

Projek pembangunan gas buka lembaran baru bagi Malaysia



15 DEC 1991

SEGAMAT 14 Dis. — Projek pembangunan gas yang membuka lembaran baru bagi Malaysia akan dapat menjimatkan kira-kira \$18 bilion sekiranya gas asli menggantikan minyak sebagai sumber tenaga mulai tahun ini hingga tahun 2000, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan telah mengambil langkah-langkah dasar untuk mengalihkan pergantungan kepada bahan petroleum memandangkan keperluan sumber tenaga yang diperlu-

kan adalah semakin meningkat pada tahun-tahun akan datang.

Katanya, Malaysia agak bernasib baik kerana mempunyai pilihan sumber tenaga yang banyak termasuk gas, kuasa hidro, arang batu dan sumber-sumber tenaga yang boleh diperbaharui seperti suria dan biomass.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, antara sumber-sumber tersebut, gas asli adalah paling sesuai untuk menggantikan minyak kerana saiz rezabnya yang besar, iaitu tiga kali lebih banyak daripada rezab minyak.

Gas asli juga, kata Perdana Menteri, lebih versatile kerana ia boleh digunakan sebagai bahan bakar yang lebih efisien terutama bagi perjalanan elektrik kitar.

Ia juga boleh digunakan sebagai bahan mentah bagi industri petrokimia.

Berucap merasmikan Sistem Penggunaan Gas Semenanjung Peringkat II di sini hari ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata penggunaan gas asli menggantikan fuel oil yang diimport juga akan dapat menjimatkan tukaran asing dan mengurangkan defisit negara.

Memberi sumbangan

Katanya, ini adalah kerana kebanyakan stesen janaelektrik negara kini bergantung kepada fuel oil yang diimport.

Perdana Menteri menambah, menjelang 1995 kerajaan menjangka dapat mengurangkan pergantungan kepada fuel-oil bagi perjalanan kuasa kepada 5.6 peratus berbanding 42 peratus sekarang.

Sumbangan daripada gas pula, kata beliau, dijangka akan meningkat daripada 23 peratus tahun ini kepada 75 peratus pada 1995.

Buat masa ini, beliau berkata minyak menyumbangkan kira-kira 60 peratus daripada jumlah bekalan tenaga utama negara.

Perdana Menteri berkata projek PGU II ini adalah antara usaha bersepadu yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi memastikan pembangunan sumber-sumber tenaga akan terus memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau menambah, projek PGU ini, selain dari uada membangukan sumber gas juga akan membuka peluang baru bagi pertumbuhan industri di Malaysia.

Beliau gembira kerana anak-anak tempatan, terutama bumiputera, berjaya menyiapkan projek sebesar itu.

Perdana Menteri berkata adalah diharapkan dengan pengalaman yang diperolehi itu, mereka akan dapat mempelbagaikan bidang teknologi lain, misalnya, projek teknologi NGV atau gas as kenderaan yang lebih canggih.